



## Soal Jawab (Isu Terkini)

Q. Apakah yang akan berlaku di Afrika?

A. Walaupun statistik masih tinggi, ramai percaya bahawa jumlah jangkitan baru yang tertinggi berlaku pada 1990an. Ini bermakna kadar jangkitan di kebanyakan negara sudah menjadi stabil, dan di sesetengah kes ia berkurangan, seperti di Kenya dan Zimbabwe. Namun, kadar jangkitan yang stabil tidak bermakna pandemik ini sedang hilang, sebaliknya, ia bermakna jumlah pesakit baru hampir sama dengan jumlah pesakit yang meninggal.

Q. Bagaimana pula dengan negara lain?

A. Terdapat tempat risiko tinggi, di mana jangkitan HIV baru meningkat pada kadar yang tinggi. Dua tempat adalah Eropah Timur dan 'Golden Triangle' Asia Tenggara. HIV/AIDS dijumpai di seluruh dunia, dan kebanyakan negara mempunyai kadar penyakit yang rendah. Ini tidak bermakna bahawa negara-negara tersebut telah berjaya menangani HIV/AIDS. Negara seperti Senegal, Thailand, dan Brazil berusaha untuk mengawal epidemik daripada menyebarkan dan cuba mengurangkan jumlah jangkitan baru.

Q. Bagaimana pula dengan rawatan?

A. Masih tiada vaksin untuk HIV/AIDS. Kajian sedang dijalankan dalam beberapa bidang. Ujian untuk beberapa vaksin sedang dijalankan. Cubaan sebelum ini menemui kegagalan, dan sekiranya ujian baru berjaya, ia akan memakan masa yang lama untuk vaksin tersebut disediakan untuk penggunaan. Pembelajaran, pencegahan, rawatan dan penjagaan terus menjadi kaedah-kaedah utama yang diambil oleh pekerja yang melawan pandemik HIV/AIDS

Q. Bagaimana pula rawatan lain?

A. Gel mikrobisid sedang diuji; ia disapu pada faraj untuk mencegah jangkitan HIV. Kajian berterusan untuk produk ini dan diharap ia akan sedia untuk diguna dalam tahun-tahun yang akan datang. Dorongan untuk produk ini bergantung pada faktor kawalan wanita, berbanding dengan kaedah pencegahan yang dikawal oleh lelaki.

Q. Siapakah yang membayar untuk semua ini?

A. Dana Global Malaria, TB, dan HIV/AIDS sudah lama menjadi sumber wang, dan organisasi seperti Bill and Melinda Gates Foundation juga turut membantu. Jangkaan menunjukkan, seperti dibuktikan oleh kadar jangkitan HIV yang meningkat, usaha yang diambil masih tidak mencukupi. Kajian, pencegahan, rawatan, penjagaan dan sokongan adalah amat penting dan dunia masih belum mencapai matlamat mengurangkan kadar jangkitan dan kematian HIV/AIDS.